

Edisi Januari – Jun 2025

Kebersamaan dalam Pemerkasaan Peranan Unit Kualiti

MeQKU 2025

Pengurusan Kualiti

*Taklimat Pelaksanaan Audit
Dalam PTj bersama Ketua
Sistem Audit (KSA)*

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

Kursus Pakar Rujuk Kumpulan
Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025



eISSN 2976-2596



9 7 7 2 9 7 6 2 5 9 0 0 3

Perbincangan Penandaarasan Sistem Audit *Finding Report System (AFRES)* Bahagian Audit Dalam UiTM

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad



Pada 27 Februari 2025, satu sesi perbincangan strategik telah diadakan antara Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dan Bahagian Audit Dalam UiTM. Sesi ini dihadiri oleh 5 orang wakil Bahagian Audit Dalam UiTM yang diketuai oleh Puan Mia Irmawati Jalil, Pengarah Bahagian Audit Dalam UiTM, serta 4 wakil InQKA yang diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr.-Ing Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO).


Perbincangan yang berlangsung selama satu jam setengah ini menumpukan kepada Sistem Audit Finding Report System (AFRES), yang telah digunakan oleh Audit Dalam UiTM sejak tahun 2018, dalam penghasilan laporan audit universiti. Antara aspek utama yang dibincangkan termasuk:

- ✓ Penetapan peranan pengguna dalam sistem
- ✓ Proses audit dari peringkat pelaksanaan hingga penghasilan laporan
- ✓ Maklum balas terhadap penemuan audit yang direkodkan dalam sistem

Dapatan daripada sesi ini menunjukkan bahawa kebanyakan komponen dalam Sistem AFRES adalah sesuai untuk digunakan bagi pelaporan Audit Dalam Korporat UiTM dan Audit Dalam PTj, dengan beberapa penyesuaian diperlukan.

Selain itu, satu penambahbaikan penting yang dicadangkan adalah penambahan menu untuk penilaian markah audit bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTj), yang masih belum tersedia dalam sistem AFRES.

Oleh itu, pembangunan Sistem Audit Dalam Korporat dan Audit Dalam PTj akan menggunakan templat AFRES sebagai asas, dengan penambahan fungsi baharu bagi meningkatkan kecekapan dan ketepatan pelaporan.



Dengan adanya sistem baharu ini, pelaporan audit yang selama ini dilakukan menggunakan templat *Google Sheet* TeiCA dapat ditambah baik secara lebih komprehensif dan efisien. Ini bukan sahaja akan memudahkan proses kerja, tetapi juga memastikan pelaporan audit yang lebih sistematik, tepat, dan boleh dijadikan rujukan utama dalam membuat keputusan di peringkat universiti.

Prof. Madya Ts. Dr.-Ing Shahrul Azam Abdullah menyatakan harapan agar pembangunan Sistem Audit Dalam Korporat dan Audit Dalam PTJ dapat direalisasikan dengan jayanya bagi memudahkan proses kerja di InQKA serta memberi manfaat kepada universiti secara keseluruhannya.

Dengan sinergi antara InQKA dan Audit Dalam UiTM, UiTM terus melangkah ke hadapan dalam memperkukuhkan sistem audit yang lebih efektif dan berimpak tinggi demi kecemerlangan institusi.



KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor



لوسيا تقوى موليا



<https://inqka.uitm.edu.my>



@inqka



@inqkautm



@InQKAUITM



InQKA UITM



@inqkautm6101



@inqka_uitm

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003